



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang masih sah dibenarkan membuat tawaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga (**22 MEI 2018**) bagi kerja serta syarat-syarat berikut :

No. Sebut Harga	Tajuk Kerja	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
MPS.600 -8/7/4	MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN MIDA 4, TAMAN MIDA, JALAN OREN 3 DAN 6, TAMAN SRI PELANGI, SEGAMAT	G2	CE	CE01	50.00

1. Dokumen Meja Sebut harga akan dipamerkan dan CD-R Sebut harga boleh diperoleh mulai **22 FEBRUARI 2018** sehingga **01 MAC 2018** semasa waktu pejabat di Kaunter (Penjualan Sebut harga), Majlis Perbandaran Segamat, Johor.
2. Kontraktor atau wakil yang sah diwajibkan membawa **Sijil Asal yang masih sah** dan **menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran Sijil Perakuan Pendaftaran dan Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB), Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (PKK), Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)** semasa membuat pembelian CD-R Sebut harga.
3. Sekiranya kontraktor berdaftar dengan Jabatan Kastam Malaysia, sila sertakan salinan **Surat Keputusan Permohonan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)**.
4. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum jam **12.00 Tengah hari** pada **01 MAC 2018 (KHAMIS)**.

(HAJI MISWAN BIN YUNUS)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat